

05 NOV 2002

Mahathir-Asean/I

TIADA TEMPAT DI DUNIA YANG SELAMAT DARIPADA KEGANASAN, KATA DR M

Oleh: Muin Abdul Majid dan Tham Choy Lin

PHNOM PENH, 5 Nov (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tiada negara di dunia ini, walaupun dilindungi dengan sebaiknya, selamat daripada keganasan.

Pada sidang media pada akhir Sidang Kemuncak Asean Ke-8 di sini sebelum berlepas pulang, Perdana Menteri ditanya kenapa nasihat perjalanan dikeluarkan oleh beberapa kerajaan terhadap negara-negara tertentu sahaja.

Beliau menjawab soalan daripada seorang wartawan Australia mengenai mengapa nasihat perjalanan sedemikian patut ditarik balik.

"Saya fikir Australia juga tidak selamat sepertimana negara-negara Asean lain. Malahan, pada ketika ini, Australia terutamanya tidak selamat bagi orang Islam kerana kemungkinan rumah mereka akan digeledah.

"Saya ada lihat gambar-gambar pintu-pintu rumah dipecahkan yang saya fikir tindakan sebegitu tidak perlu. Jadi orang pada hari ini terdedah kepada bahaya di mana sahaja mereka berada," katanya.

Dr Mahathir dan rakan Aseannya kecewa dengan amaran perjalanan yang dikeluarkan oleh beberapa negara barat termasuk Australia, Jerman dan Amerika Syarikat agar menjauhkan diri daripada Asia Tenggara ekoran kejadian letupan bom di Bali di Indonesia yang telah membunuh lebih 180 orang, kebanyakannya orang asing.

Pemimpin-pemimpin Asean, dalam satu deklarasasi khas, meminta masyarakat antarabangsa untuk tidak secara sembarangan mengeluarkan amaran seperti itu tanpa bukti kukuh dan sepatutnya membantu perkumpulan 10 negara anggota Asean dalam memerangi keganasan.

"Sekiranya anda perlu memberikan amaran perjalanan, anda perlu keluarkan amaran perjalanan kepada semua orang. Jangan melancong, jangan naiki kapal terbang kerana kapal terbang anda mungkin akan digunakan sebagai misil untuk dilancarkan pada bangunan.

"Jadi, kenapa pilih negara-negara tertentu?" katanya.

Dr Mahathir berkata berikutan langkah Thailand untuk menyertai Malaysia, Filipina, Indonesia dan Kemboja bagi pertukaran maklumat, antara lain, bagi menangani keganasan, Asean kini mempunyai rangkaian yang baik tetapi mengingatkan bahawa ia bukannya tidak mungkin gagal kerana memerangi keganasan adalah seperti memerangi musuh halimunan.

Mengenai hasil sidang kemuncak dua hari itu, Dr Mahathir berkata secara keseluruhan ia adalah positif.

"Saya fikir ini adalah mesyuarat yang amat baik. Kami dapat membincangkan apa yang kami patut lakukan bersama, sama ada kami patut memperluaskan hubungan kami dengan negara-negara kami," katanya.

Beliau berkata Asean juga menerima tawaran baik dari China, Korea Selatan dan Jepun bagi kerjasama ekonomi yang termasuk pembentukan kawasan-kawasan perdagangan bebas (FTA) yang akhirnya akan merealisasikan zon perdagangan bebas Asia Timur.

Katanya Asean juga kini semakin pulih sejak krisis kewangan 1997 dan jauh sekali daripada mengalami kemusnahan dan menurutnya rantau ini kini ditawarkan oleh banyak negara untuk menjadi rakan ekonomi.

"Saya fikir Asean akan muncul lebih penting dalam ekonomi dunia," katanya.

Mengenai cadangan FTA Asean-China yang dijadual bagi 2010, Dr Mahathir berkata negara-negara Asean akan perlu menguruskan kebaikan dan keburukan dalam memberikan laluan kepada China yang mempunyai kos buruh yang kompetitif.

Dr Mahathir berkata mungkin akan berlaku pengeluaran beberapa produk sensitif daripada senarai dalam sektor-sektor yang China mungkin mampu menyingkirkan Asean daripada beberapa industri.

Beliau juga menggambarkan penyertaan China dalam Deklarasi Tatacara Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan sebagai "amat menjamin" bagi negara-negara di rantau ini.

Ditanya mengenai pandangan beliau berhubung sidang kemuncak Asean-Australia, Dr Mahathir berkata sesetengah pemimpin Asean berpendapat bahawa perkara itu perlu dikaji dengan lebih mendalam dan sehingga perkara itu ditentukan beliau enggan mengulas lanjut.

-- BERNAMA

MAM TCL AZH RHM